



UCAPAN

**YB TENGKU DATO' SRI ZAFRUL TENGKU ABDUL AZIZ
MENTERI KEWANGAN**

LAPORAN LAKSANA KE-28

**PELAKSANAAN
PAKEJ RANGSANGAN EKONOMI PRIHATIN RAKYAT (PRIHATIN),
PELAN JANA SEMULA EKONOMI NEGARA (PENJANA) &
PAKEJ RANGSANGAN EKONOMI KITA PRIHATIN (KITA PRIHATIN)**

12 November 2020



PENGENALAN

Assalamu'alaikum WBT dan Salam Sejahtera.

1. Saya berharap semua rakyat Malaysia sentiasa sihat, di mana sahaja anda berada.
2. Hari ini saya akan berkongsi **Laporan LAKSANA yang Ke-28**. Di samping pengumuman Belanjawan 2021 minggu lalu serta inisiatif untuk terus memerangi COVID-19, membantu rakyat dan memulih ekonomi, usaha kita tidak berhenti dalam memastikan pakej PRIHATIN, PENJANA dan KITA PRIHATIN terus dipantau dan dilaksanakan dengan berkesan.
3. Saya akan berkongsi status pelaksanaan inisiatif-inisiatif PENJANA dan KITA PRIHATIN, disusuli ulasan isu semasa. Bagi pelaksanaan inisiatif PRIHATIN pula, senarai status akan dikongsi di laman sesawang Kementerian.

PENJANA (Pelan Jana Semula Ekonomi Negara)

4. Di bawah PENJANA, inisiatif telah dikategorikan kepada tiga matlamat utama iaitu:

- a. Memperkasakan Rakyat;
- b. Melonjakkan Perniagaan; dan
- c. Merangsang Ekonomi.

PENJANA MATLAMAT 1: MEMPERKASAKAN RAKYAT

Saudara dan saudari yang dihormati sekalian,

5. Kita mulakan dengan matlamat pertama PENJANA iaitu Memperkasakan Rakyat.

6. **Pertama, Skim Peduli Kesihatan untuk Kumpulan B40 (PEKA B40)** di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Mereka yang layak iaitu penerima Bantuan Sara Hidup (BSH) serta pasangan yang berdaftar dan berumur 40 tahun ke atas akan dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan untuk melakukan saringan kesihatan di klinik-klinik berdaftar. Melalui skim ini, penekanan diberikan bagi menampung keperluan kesihatan seperti **pengesanan awal untuk penyakit tidak berjangkit**. Di antara tempoh 1 Julai sehingga 30 Oktober 2020, sebanyak **139,842** tuntutan diterima dengan jumlah **RM12.37 juta**.

7. **Kedua, Program Bantuan Sosial bagi Golongan Mudah Terjejas**. Kerajaan telah memperuntukkan pemberian RM300 secara *'one-off'* kepada golongan mudah terjejas yang berdaftar seperti OKU dan ibu tunggal dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) serta sukarelawan Program Khidmat Bantu di Rumah. Sehingga 30 Oktober 2020, **sejumlah RM68.97 juta** telah disalurkan dan telah memanfaatkan **229,893 penerima**.

8. **Inisiatif Ketiga adalah Program Subsidi Upah (PSU)**. Sehingga 30 Oktober 2020, sebanyak **RM12.16 bilion subsidi upah** telah diluluskan yang **memanfaatkan lebih 322,284 majikan serta lebih 2.639 juta pekerja**. Fasa seterusnya adalah PSU 2.0 yang telah bermula sejak 1 Oktober 2020. Sebagai peringatan, majikan masih boleh memohon untuk PSU 2.0 di bawah Pakej KITA PRIHATIN yang dibuka sehingga 31 Disember 2020. Saya juga ingin menekankan bahawa dalam Belanjawan 2021, Kerajaan telah memperuntukkan RM1.5 bilion untuk melanjutkan PSU selama 3 bulan lagi, bagi membantu 70 ribu majikan dan 900 ribu pekerja terutamanya sektor pelancongan dan peruncitan.

Pesan saya, selain membantu pekerja, Program Subsidi Upah ini juga mengutamakan kemampuan usahawan untuk mengekalkan kapasiti perniagaan. Kepada majikan yang terkesan, sahutlah bantuan Kerajaan supaya anda boleh mengekalkan kapasiti operasi dan memastikan syarikat anda kekal berdaya saing, lebih-lebih lagi tatkala persekitaran perniagaan bertambah baik nanti.

Tarikh Laporan	Jumlah Diluluskan* (RM bilion)	Jumlah Pekerja* (juta)	Jumlah Majikan*
30 Oktober	12.159	2.639	322,284
23 Oktober	12.000	2.639	322,158
16 Oktober	11.998	2.639	322,150
9 Oktober	11.996	2.638	322,134
2 Oktober	11.967	2.636	322,022
25 September	11.930	2.633	321,633
28 Ogos	10.383	2.620	320,440
31 Julai	8.995	2.582	318,258
26 Jun	7.074	2.455	307,518
29 Mei	4.018	2.197	286,338
24 April	1.606	1.452	207,237

*Jumlah Kumulatif

9. **Keempat, Program Insentif Pengambilan Pekerja dan Bantuan Latihan.** Secara keseluruhannya, sehingga 30 Oktober 2020, **seramai 70,113** pekerja (peningkatan daripada **64,494** minggu lalu) telah berjaya mendapat pekerjaan melalui program ini. Jumlah ini merangkumi **56,315** orang di bawah umur **40** tahun, **8,743** individu berusia di antara **40** hingga **60** tahun, serta **331** orang kelainan upaya (OKU) dan **4,724** perantis.

Pengambilan pekerjaan 5 sektor tertinggi bagi kesemua kategori adalah dalam sektor pembuatan iaitu 24%, perkhidmatan 20%, perdagangan borong dan runcit 15%, penginapan dan perkhidmatan makanan 11% dan pembinaan 5%.

Menurut data daripada **Portal Perkhidmatan Pekerjaan Negara** iaitu **MyFutureJobs**, *trend* pengambilan pekerjaan sejak tiga bulan terdahulu iaitu bulan Ogos, September dan Oktober didominasi oleh sektor profesional, sektor teknikal dan sektor perkhidmatan.

Tarikh Setakat	Kategori Rakyat yang Mendapat Pekerjaan				Jumlah*
	< 40 tahun	40 – 60 tahun	OKU	Perantis	
30 Oktober	56,315	8,743	331	4,724**	70,113
23 Oktober	51,896	7,803	322	4,473**	64,494
16 Oktober	46,838	7,168	302**	4,514	58,822
9 Oktober	41,808	6,530	309	4,204	52,851
2 Oktober	38,189	5,966	293	4,169	48,617
25 September	34,476	5,456	284	3,782	43,998
28 Ogos	18,354	3,266	178**	2,818	24,616
21 Ogos	15,113	2,856	220	2,385	20,574

*Jumlah Kumulatif

***Penurunan berbanding minggu sebelumnya adalah kerana selepas penyelarasan dan analisa lanjut, sejumlah pemohon didapati bukan OKU/perantis*

10. **Kelima, Program Kemahiran dan Peningkatan Kemahiran.** Sehingga 30 Oktober 2020, seramai **106,047 individu telah diluluskan** (peningkatan daripada **105,312** minggu lalu) untuk mengambil bahagian dalam program-program yang disediakan. Antara kursus-kursus yang mendapat permintaan yang tinggi adalah seperti program IR4.0, latihan keusahawanan, pendigitalan perdagangan, serta program *Boot Camp* kemahiran mencari pekerjaan. Senarai penuh boleh didapati di *website* Kementerian.

Bil.	Kementerian/Agensi	Program / Skim / Inisiatif
1.	Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB)	SME Development
		Industrial Revolution 4.0 (IREV4.0)
		Place & Train
		Gerak Insan Gemilang (GIG)
		B40 Development
2.	Kementerian Pembangunan, Usahawan dan Koperasi (MEDAC)	INSKEN Business Training
		Program Micro Connector
3.	Majlis Amanah Rakyat (MARA)	Modul Khas Penjagaan Kesihatan dan Keselamatan Kebiasaan Baharu
		Building Internal Entrepreneur Capabilities by Engaging E-Commerce Bespoke Program (e-entrepreneur) -Training e-Commerce Platform
		Building Capabilities and Providing Jobs Through Competencies / Short Courses Program
		Building Capabilities and Providing Jobs Through Industry Boot Camp
		Building Internal Entrepreneur Capabilities by Engaging e-Commerce Bespoke Program (e-entrepreneur) -Bespoke
4.	East Coast Economic Region Development Council	ETEP Enhanced Train& Place (PENJANA)
5.	Northern Corridor Implementation Authority	JomNiaga@NCER
		JomKerja@NCER
6.	Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC)	Pembangunan Kemahiran Komuniti
7.	Kementerian Pengajian Tinggi (KPT)	Program Gig Economy
		Program Keusahawanan

PENJANA MATLAMAT 2: MELONJAKKAN PERNIAGAAN

Saudara dan saudara yang dihormati,

11. Seterusnya, saya ingin berkongsi pencapaian di bawah matlamat 2 PENJANA, iaitu Melonjakkan Perniagaan.
12. **Pertama, Pembiayaan PKS PENJANA.** Ini adalah dana berjumlah RM2 bilion dan diutamakan untuk PKS belum pernah mendapat pinjaman bank sebelum ini. Sehingga 30 Oktober 2020, sebanyak **4,488 permohonan telah diluluskan dengan nilai pinjaman sebanyak RM965.5 juta.**

Tarikh Setakat	Permohonan Diluluskan*	Jumlah Nilai Pinjaman* (RM juta)
30 Oktober	4,488	965.5
23 Oktober	4,319	942.6
16 Oktober	4,176	930.4
9 Oktober	3,964	899.6
2 Oktober	3,617	833.6
25 September	3,351	795.3
28 Ogos	1,615	426.2
21 Ogos	1,172	329.5

*Jumlah Kumulatif

13. **Kedua, Pembiayaan Sektor Pelancongan PENJANA** dengan jumlah peruntukan sebanyak **RM1 bilion**. Setakat 30 Oktober 2020, terdapat **441 PKS yang telah menyerahkan permohonan mereka**, dan daripada jumlah ini sebanyak **181 permohonan telah diluluskan** dengan jumlah pembiayaan sebanyak **RM35.9 juta**.
14. **Ketiga, Skim Pemulihan Perniagaan TEKUN atau TEKUN Business Recovery Scheme (TBRS)** khas untuk PKS Mikro. Sehingga 30 Oktober 2020, sebanyak **RM79.65 juta** telah disalurkan di bawah TBRS yang telah memanfaatkan **11,972 PKS Mikro**.

Tarikh Setakat	PKS Mikro*	Jumlah Disalurkan* (RM juta)
30 Oktober	11,972	79.65
23 Oktober	11,841	78.7
16 Oktober	11,683	77.4
9 Oktober	11,546	76.6
2 Oktober	11,481	76.1
25 September	11,383	75.5
28 Ogos	6,908	47.7
31 Julai	909	6.8

*Jumlah Kumulatif

15. **Keempat adalah Pembiayaan Mikro Kredit PENJANA di bawah Bank Simpanan Nasional (BSN).** Sehingga 30 Oktober 2020, sebanyak **RM167.4 juta** telah disalurkan bagi memanfaatkan **4,674 PKS Mikro** merangkumi bidang peruncitan dan perkhidmatan.

Tarikh Setakat	PKS Mikro*	Jumlah Disalurkan* (RM juta)
30 Oktober	4,674	167.4
23 Oktober	3,866	140.2
16 Oktober	3,668	133.3
9 Oktober	3,266	119.4
2 Oktober	2,692	98.7
25 September	2,007	73.7
28 Ogos	399	15.2

*Jumlah Kumulatif

PENJANA MATLAMAT 3: MERANGSANG EKONOMI

Saudara dan saudari yang dihormati,

16. Seterusnya, saya akan berkongsi matlamat ke-3 PENJANA iaitu Merangsang Ekonomi.
17. **Sokongan bagi Industri Pertanian dan Makanan.** Inisiatif ini diperkenalkan bagi merangsang pertumbuhan sektor pertanian dan makanan melalui **suntikan pembiayaan di samping menyediakan modal pusingan untuk petani, peladang dan nelayan.** Daripada jumlah **peruntukan sebanyak RM400 juta, RM350 juta** merupakan peruntukan di bawah **Skim Pembiayaan Mikrokredit Agrobank.** Sehingga 30 Oktober 2020, sebanyak **RM38 juta** telah disalurkan di bawah skim ini bagi memanfaatkan **4,369 PKS Mikro pertanian.**

PAKEJ RANGSANGAN EKONOMI KITA PRIHATIN

Saudara dan saudari yang dihormati sekalian,

18. Selanjutnya saya ingin menyentuh Pakej KITA PRIHATIN bernilai RM10 bilion yang diumumkan bulan September lepas.
19. Untuk BPN 2.0 yang dijangka akan meringankan beban 7.5 juta penerima B40 serta 3.1 juta penerima M40, **setakat 3 November 2020,** sejumlah RM4.5 bilion telah berjaya disalurkan kepada lebih 9.86 juta penerima. Ini merangkumi 7 juta penerima daripada kategori B40 dan 2.86 juta penerima daripada kategori M40.

20. Bagi penerima BPN 2.0 yang **tidak mempunyai akaun bank**, penunaian di Cawangan Bank Simpanan Nasional (BSN) telah bermula mulai 26 Oktober 2020. Terdapat juga kira-kira 6,000 penerima yang didapati gagal kredit yang melibatkan jumlah RM2.71 juta. Mereka boleh membuat penunaian Bantuan BPN2.0 mulai **minggu kedua November 2020 ini** mengikut SOP yang ditentukan.
21. Kerajaan juga ingin mengingatkan bahawa tempoh permohonan baharu BPN 2.0 masih dibuka sehingga 15 November 2020. Bagi mereka yang diluluskan, bayaran akan dibuat secara sekaligus pada bulan Januari 2021.
22. Saya juga ingin mengumumkan bahawa permohonan **Geran Khas PRIHATIN (GKP)** telah ditutup pada **31 Oktober 2020**. Saringan kelayakan sedang dibuat. PKS Mikro yang layak bakal menerima bantuan *one-off* berjumlah RM3,000 dan **bayaran disasarkan akan dibuat mulai 25 November 2020**.

ULASAN ISU SEMASA: MAKLUM BALAS BELANJAWAN 2021

Saudara dan saudari yang dihormati sekalian,

23. Alhamdulillah, usaha Kerajaan untuk menjana peluang pekerjaan dan meningkatkan kebolehpasaran tenaga kerja melalui pakej PRIHATIN, PENJANA dan KITA PRIHATIN telah terus menyumbang kepada penurunan kadar pengangguran negara. **Pada bulan September, kadar pengangguran terus menurun kepada kadar 4.6%, berbanding 4.7% pada bulan Ogos. Ini menunjukkan tren penurunan yang konsisten sejak dari 5.3% pada bulan Mei, dan melambangkan pengukuhan daya tahan pasaran pekerjaan negara.** Apa-apa pun, usaha masih perlu diteruskan kerana situasi kini amat tidak menentu.
24. Seperti mana umum sedia maklum, pada Hari Jumaat lepas, saya dengan rendah diri telah membentangkan Belanjawan terbesar dalam sejarah negara.
25. Dengan tema “**Teguh Kita, Menang Bersama**”, Belanjawan berjumlah RM322.5 bilion ini melambangkan kesinambungan usaha Kerajaan dengan tiga matlamat untuk Kesejahteraan Rakyat, Kelangsungan Perniagaan dan Ketahanan Ekonomi. Saya ingin mengulas beberapa perkara.
26. Pertama, bagi B40, antara inisiatif utama termasuk Bantuan Prihatin Rakyat berjumlah RM6.5 bilion yang akan memanfaatkan 8.1 juta penerima kelak. Kerajaan juga meningkatkan gaji isi rumah minima kepada RM5,000 dan juga mengurangkan minima umur penerima bujang kepada 21 tahun bagi membantu lebih ramai rakyat.

27. Golongan B40 turut dibantu dengan lanjutan moratorium pinjaman bank secara automatik selama 3 bulan atau pengurangan bayaran ansuran bulanan sebanyak 50 peratus untuk 6 bulan. Mereka hanya perlu memberitahu bank pilihan mana yang diinginkan. 8.1 juta rakyat akan menerima manfaat ini. Moratorium ini juga diberikan kepada peniaga mikro yang mempunyai hutang kurang RM150,000. Bantuan ini akan bermula bulan Disember 2020.
28. Kedua, Kerajaan juga mendengar suara Rakyat tentang inisiatif-inisiatif yang disalurkan kepada golongan M40. Saya ingin memberikan jaminan di sini bahawa terdapat pelbagai inisiatif yang dikhususkan, contohnya:
- a. Bantuan pembayaran pinjaman bank yang dipermudahkan, di mana mereka hanya perlu mengisytiharkan sendiri kepada bank tentang pengurangan pendapatan. Mereka tidak perlu mengemukakan dokumen untuk mendapatkan bantuan tersebut.
 - b. Saya juga ingin mengingatkan semua bahawa lanjutan moratorium dan bantuan bank bersasar yang mula dilaksanakan sejak 1 Oktober 2020 masih lagi berkuatkuasa, di mana mereka yang hilang pekerjaan boleh memohon lanjutan moratorium, dan mereka yang dipotong gaji, boleh memohon untuk mengurangkan ansuran bulanan. Hakikatnya, sejak 30 September, seramai 85% peminjam telahpun menyambung semula bayaran bulanan pinjaman bank.
 - c. Kerajaan juga telah menurunkan cukai pendapatan sebanyak satu mata peratus untuk mereka yang berpendapatan tahunan antara RM50,001 dan RM70,000.
 - d. Pada masa sama, turut diturunkan adalah caruman KWSP daripada 11 peratus kepada 9 peratus yang akan menambah aliran tunai bulanan golongan pekerja, dijangka bernilai RM9.3 bilion keseluruhannya.
 - e. Selain ini, banyak lagi bantuan tersedia untuk M40, seperti pelepasan cukai dan rebat untuk perkhidmatan dan barangan perubatan, peralatan rumah, pendidikan dan peningkatan kemahiran, pembelian e-suratkhabar dan sebagainya.
29. Yang paling penting, rakyat disokong dari segi pekerjaan dan peningkatan kemahiran. Melalui dana JanaKerja, RM3.7 bilion diperuntukkan untuk mewujudkan 500,000 peluang pekerjaan. Ia akan dilaksanakan melalui program seperti insentif pengambilan pekerja Penjana Kerjaya, program peningkatan kemahiran dan latihan semula, dan juga Program Subsidi Upah.

30. Di bawah program Penjana Kerjaya, Kerajaan akan membayar 40% gaji bulanan, iaitu setinggi RM4,000 untuk menggalakkan majikan mengambil pekerja. Bagi pengambilan OKU atau mereka yang menganggur lama, Kerajaan membayar 60% gaji, iaitu sehingga RM6,000. Bantuan ini akan diberikan selama 6 bulan dan bernilai lebih RM2 bilion.
31. Kesemua inisiatif ini perlu dilihat dengan menyeluruh. Secara ringkasnya, usaha Kerajaan untuk golongan M40 adalah untuk meningkatkan pendapatan boleh guna, mengekalkan pekerjaan, serta membantu melonjakkan pendapatan samada melalui peningkatan kemahiran ataupun memudahcara bidang keusahawanan.

PENUTUP

Saudara dan saudara yang dihormati.

32. Pakej-pakej PRIHATIN, PRIHATIN PKS Tambahan, PENJANA, KITA PRIHATIN dan kini Belanjawan 2021 adalah bukti Kerajaan tidak akan berkompromi dalam melindungi rakyat. Mengambil kira ketidaktentuan COVID-19, Kerajaan sentiasa memantau dan bersedia untuk bertindak sewajarnya jika ada keperluan. Yakinlah, Kerajaan ini adalah Kerajaan yang Prihatin.
33. Pejam-celik pejam-celik, dah 28 Laporan Laksana. Saya ingin mengambil kesempatan untuk **mengucapkan terima kasih kepada warga media** kerana membantu saya dan warga Kementerian untuk berkongsi maklumat yang tepat tentang usaha Kerajaan membantu rakyat, menyokong perniagaan dan memulihkan ekonomi.
34. InsyaAllah, kita akan terus berusaha agar unjuran pemulihan ekonomi menjelang tahun 2021 dapat dicapai. Marilah kita bersama-sama berganding bahu demi negara Malaysia yang tercinta ini. "Teguh Kita, Menang Bersama".

Terima kasih. Wasalamualikum W.B.T. Stay safe.

YB Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz
Menteri Kewangan
Kementerian Kewangan Malaysia
12 November 2020

LAMPIRAN 1 - PENCAPAIAN PAKEJ PRIHATIN

MATLAMAT 1: LINDUNGI RAKYAT		
1.	Skim pengeluaran i-Lestari di bawah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)	Sehingga 30 Oktober 2020, jumlah pengeluaran kumulatif adalah sebanyak RM11.18 bilion (peningkatan daripada RM11.05 bilion minggu lalu) dan melibatkan 4.706 juta penerima (peningkatan daripada 4.695 juga minggu lalu). Perancangan persaraan adalah penting dan orang ramai disyorkan untuk menggunakan Khidmat Nasihat Persaraan (Retirement Advisory Service - RAS) yang disediakan oleh pihak KWSP secara percuma untuk tujuan ini. Maklumat mengenai perkhidmatan percuma ini boleh didapati di pautan berikut: https://www.kwsp.gov.my/ms/member/retirement-advisory-service
2.	Elaun Khas Barisan Hadapan (Frontliners Allowance)	a. Sehingga 30 Oktober 2020, sebanyak RM360.35 juta telah disalurkan berdasarkan 1,088,936 tuntutan yang terdiri daripada doktor, jururawat dan kakitangan perubatan lain yang terlibat secara langsung dalam pengurusan dan pembendungan wabak COVID-19. Tiada sebarang perubahan pada minggu ini berbanding minggu lepas disebabkan kebanyakan tuntutan hanya dilaporkan secara bulanan. b. Elaun khas ini juga dipanjangkan kepada anggota tentera, polis, kastam, imigresen, bomba, anggota Angkatan Pertahanan Awam serta anggota RELA yang terlibat secara langsung dalam melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

MATLAMAT 2: SOKONG PERNIAGAAN

3.	Program Bantuan Majikan COVID-19 (e-CAP) KWSP	Setakat 30 Oktober 2020, sebanyak 69,864 permohonan telah diterima dan daripada jumlah tersebut, 13,090 permohonan telah diluluskan bernilai RM85 juta (tiada peningkatan). <table><tr><th>Bantuan majikan COVID-19 (e-CAP) KSWP</th><th>Jumlah permohonan diterima*</th><th>Jumlah permohonan diluluskan*</th><th>Jumlah diluluskan* (RM juta)</th></tr><tr><td>30 Oktober</td><td>69,864</td><td>13,090</td><td>85.0</td></tr><tr><td>23 Oktober</td><td>69,864</td><td>13,090</td><td>85.0</td></tr><tr><td>16 Oktober</td><td>69,864</td><td>13,090</td><td>85.0</td></tr><tr><td>9 Oktober</td><td>69,864</td><td>13,090</td><td>85.0</td></tr><tr><td>2 Oktober</td><td>69,864</td><td>13,090</td><td>85.0</td></tr><tr><td>25 September</td><td>69,864</td><td>13,090</td><td>84.9</td></tr><tr><td>28 Ogos</td><td>68,532</td><td>12,904</td><td>84.2</td></tr><tr><td>31 Julai</td><td>65,986</td><td>12,425</td><td>82.1</td></tr><tr><td>26 Jun</td><td>36,107</td><td>9,542</td><td>63.9</td></tr><tr><td>31 Mei</td><td>26,509</td><td>5,245</td><td>34.8</td></tr></table> <i>*Jumlah kumulatif</i>	Bantuan majikan COVID-19 (e-CAP) KSWP	Jumlah permohonan diterima*	Jumlah permohonan diluluskan*	Jumlah diluluskan* (RM juta)	30 Oktober	69,864	13,090	85.0	23 Oktober	69,864	13,090	85.0	16 Oktober	69,864	13,090	85.0	9 Oktober	69,864	13,090	85.0	2 Oktober	69,864	13,090	85.0	25 September	69,864	13,090	84.9	28 Ogos	68,532	12,904	84.2	31 Julai	65,986	12,425	82.1	26 Jun	36,107	9,542	63.9	31 Mei	26,509	5,245	34.8
Bantuan majikan COVID-19 (e-CAP) KSWP	Jumlah permohonan diterima*	Jumlah permohonan diluluskan*	Jumlah diluluskan* (RM juta)																																											
30 Oktober	69,864	13,090	85.0																																											
23 Oktober	69,864	13,090	85.0																																											
16 Oktober	69,864	13,090	85.0																																											
9 Oktober	69,864	13,090	85.0																																											
2 Oktober	69,864	13,090	85.0																																											
25 September	69,864	13,090	84.9																																											
28 Ogos	68,532	12,904	84.2																																											
31 Julai	65,986	12,425	82.1																																											
26 Jun	36,107	9,542	63.9																																											
31 Mei	26,509	5,245	34.8																																											
4.	Skim Kredit Mikro BSN	Setakat 30 Oktober 2020, pembayaran telah dibuat kepada 11,378 PKS (peningkatan daripada 11,375 penerima minggu lalu) melibatkan jumlah sebanyak RM378.55 juta (peningkatan daripada RM378.49 juta minggu lalu).																																												
5.	Program TEKUN	Setakat 30 Oktober 2020, pembayaran telah dibuat kepada 26,233 PKS (peningkatan daripada 26,231 penerima minggu lalu) melibatkan jumlah sebanyak RM199.38 juta.																																												

6.	Dana Pinjaman Mudah Perusahaan Kecil Sederhana (PKS) (SME Soft Loans Funds) yang dikendalikan oleh Bank Negara Malaysia (BNM)	Setakat 30 Oktober 2020, jumlah permohonan yang telah diluluskan oleh bank-bank tempatan dan disetuju terima oleh PKS adalah RM10.87 bilion (peningkatan daripada RM10.84 bilion minggu lalu) yang akan memberi manfaat kepada 23,305 PKS (peningkatan daripada 23,234 PKS minggu lalu). Jumlah ini termasuk dana Special Relief Facility (SRF), Automation & Digitalisation Facility (ADF), All-Economic Sector Facility (AES) dan Agrofood Facility (AF). <table border="1"> <thead> <tr> <th>Dana Pinjaman Mudah PKS</th><th>Jumlah diluluskan dan disetuju terima* (RM bilion)</th><th>Jumlah PKS*</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>30 Oktober</td><td>10.87</td><td>23,305</td></tr> <tr> <td>23 Oktober</td><td>10.84</td><td>23,264</td></tr> <tr> <td>16 Oktober</td><td>10.81</td><td>23,234</td></tr> <tr> <td>9 Oktober</td><td>10.77</td><td>23,196</td></tr> <tr> <td>2 Oktober</td><td>10.73</td><td>23,078</td></tr> <tr> <td>25 September</td><td>10.67</td><td>22,984</td></tr> <tr> <td>28 Ogos</td><td>10.3</td><td>22,440</td></tr> <tr> <td>Julai</td><td>9.6</td><td>21,410</td></tr> <tr> <td>Jun</td><td>8.4</td><td>19,539</td></tr> <tr> <td>Mei</td><td>6.9</td><td>16,833</td></tr> <tr> <td>April</td><td>1.5</td><td>3,636</td></tr> </tbody> </table> <i>*Jumlah Kumulatif</i> Walaupun dana SRF telah dimanfaatkan sepenuhnya, PKS masih boleh memohon skim pembiayaan yang masih tersedia melalui Tabung BNM seperti ADF, AES dan AF. PKS juga boleh mendapatkan pembiayaan lain melalui platform imsME di pautan https://imsme.com.my/portal/bm/ yang boleh membantu dalam membuat padanan pembiayaan yang diperlukan dengan pelbagai penyedia dana untuk PKS.	Dana Pinjaman Mudah PKS	Jumlah diluluskan dan disetuju terima* (RM bilion)	Jumlah PKS*	30 Oktober	10.87	23,305	23 Oktober	10.84	23,264	16 Oktober	10.81	23,234	9 Oktober	10.77	23,196	2 Oktober	10.73	23,078	25 September	10.67	22,984	28 Ogos	10.3	22,440	Julai	9.6	21,410	Jun	8.4	19,539	Mei	6.9	16,833	April	1.5	3,636
Dana Pinjaman Mudah PKS	Jumlah diluluskan dan disetuju terima* (RM bilion)	Jumlah PKS*																																				
30 Oktober	10.87	23,305																																				
23 Oktober	10.84	23,264																																				
16 Oktober	10.81	23,234																																				
9 Oktober	10.77	23,196																																				
2 Oktober	10.73	23,078																																				
25 September	10.67	22,984																																				
28 Ogos	10.3	22,440																																				
Julai	9.6	21,410																																				
Jun	8.4	19,539																																				
Mei	6.9	16,833																																				
April	1.5	3,636																																				